


# TIPS PINTAR PENGURUSAN ACARA



Disediakan oleh  
ISMAIL BIN MOHAMAD  
MAISARAH BINTI MANSOR

## KANDUNGAN

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Pengenalan Objektif Definisi Acara Jenis-jenis Majlis	<b>1</b>
2	20 Elemen Protokol Dan 15 Elemen Etiket 15 Elemen Etiket	<b>3</b>
3	Peranan Dan Tugas Urus Setia/Jawatankuasa Persediaan Awal Untuk Menganjurkan Sesuatu Acara <i>Brainstormin</i> Mewujudkan Jawatankuasa Kerja	<b>4</b>
4	Penyediaan Kertas Cadangan / Kerja.	<b>7</b>
5	Penyediaan Carta Perbatuan Pemilihan Tempat Majlis Pelan Lantai	<b>8</b>
6	Penyediaan Senarai Jemputan Penulisan Dan Pengedaran Kad Jemputan	<b>9</b>
7	Susunan Tempat Duduk	<b>10</b>
8	Buku Program Bunting And Banner Backdrop	<b>15</b>
9	Dekorasi Sistem Teknikal /Siaraya Aturcara Pentadbiran Raptai	<b>16</b>
10	Pemilihan Sajian	<b>17</b>
11	Keselamatan Perubatan Peranan Penyambut Tetamu	<b>18</b>
12	Publisiti Dan Media. Fotografi	<b>19</b>
13	Pengacara Majlis Ucapan Taklimat Kepada Tetamu Kehormat	<b>20</b>
14	Pasca Majlis	<b>21</b>

## SENARAI LAMPIRAN

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>LAMPIRAN</b>
1.	Tentatif Majlis	Lampiran 1
2	Kertas cadangan / Kerja	Lampiran 2
3	Carta Gantt	Lampiran 3
4	Kad jemputan dan kad jawapan	Lampiran 4
5	Bunting dan Banner	Lampiran 5
6	Backdrop	Lampiran 6
7	Aturcara pentadbiran	Lampiran 7

## PENGENALAN

### 1. TUJUAN

Pintar Pengurusan Acara ini disediakan sebagai rujukan kepada pelajar dan orang ramai di dalam penganjuran sesuatu acara. Kandungan dalam buku ini akan membantu semua pihak dalam membuat perancangan sebelum, semasa dan selepas dalam penganjuran sesuatu acara.

### 2. OBJEKTIF

Antara objektif yang telah dikenal pasti adalah sebagai:-

- a. Rujukan kepada pelajar-pelajar khususnya kepada pelajar Diploma Pengurusan Acara dalam menganjurkan sesuatu acara
- b. Rujukan kepada pelajar, pensyarah dan kakitangan Politeknik Merlimau serta orang ramai yang tiada latarbelakang Pendidikan dalam Pengurusan Acara untuk menganjurkan sesuatu acara.
- c. Menggalakkan penganjuran acara yang mempunyai nilai tambah kepada politeknik, komuniti, industri dan negara.

### 3. DEFINISI ACARA

Industri acara merupakan industri yang dinamik yang memerlukan graduan mempamerkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi selaras dengan keperluan industri. Acara boleh ditakrifkan sebagai sesuatu aktiviti yang dirancang secara sistematik oleh seorang individu atau lebih seperti aktiviti seminar, persembahan dan sebagainya bagi mencapai matlamat dan objektif berfaedah kepada individu, kumpulan tertentu atau masyarakat

Menurut Lynn Van Der Wagen (2007), event bermaksud :

- a. *Event*  
*Anything that happens, as distinguished from anything that exist or an occurrence, especially one of great importance.*
- b. *Special events*  
*That phenomenon arising from those non-routine occasions which have leisure, culture, personal or organizational objectives set apart from the normal activity of daily life, whose purpose is to educate, celebrate, entertain or challenge the experience of a group of people.*
- c. *Event Management*  
*The process by which an event is planned, prepared, and produced. As with any other form of management, it encompasses the assessment, definition, acquisition, allocation, direction, control, and analysis of time, finances, personnel, products, services and other resources to achieve objectives.*

### 4. JENIS-JENIS MAJLIS

- a. Rasmi

Sesebuah majlis yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri yang mendapat kelulusan peruntukan Kerajaan.

- b. Rasmi dan Formal

Majlis/aktiviti yang sumber peruntukannya dari Kerajaan seperti hari bekerja dari Isnin  
Majlis/aktiviti yang sumber peruntukannya dari Kerajaan seperti program turun padang, lawatan dan majlis perasmian. Terdapat sedikit kelonggaran dari segi protokol.

c. Tidak Rasmi

Merupakan majlis yang dianjurkan oleh Agensi-agensi Kerajaan/swasta yang tidak melibatkan peruntukan Kerajaan serta aspek protokol sepenuhnya.

d. Tidak Rasmi Tetapi Formal

Majlis/aktiviti yang sumber peruntukannya bukan dari Kerajaan seperti individu atau pertubuhan/kelab. Majlis dihadiri oleh orang-orang kenamaan daripada Senarai Keutamaan Persekutuan dan Negeri (rujuk senarai yang terkini).

e. Separa Rasmi

Majlis/aktiviti seperti kejohanan sukan dan riadah di mana sebahagian sumber peruntukan dari Kerajaan dan sebahagiannya daripada sumbangan oleh wang kelab sukan atau pertubuhan.

## 5. 20 ELEMEN PROTOKOL DAN 15 ELEMEN ETIKET

Dalam perancangan dan pengurusan sesuatu majlis/acara, 20 elemen protokol dan 15 elemen etiket perlu diambil perhatian seperti berikut:

a. Elemen Protokol

1. Anugerah Darjah Kebesaran Persekutuan dan Negeri;
2. Susunan Keutamaan Persekutuan dan Negeri
3. Panggilan Hormat bagi Orang-Orang Kenamaan;
4. Senarai jemputan majlis/acara;
5. Pengurusan kad jemputan;
6. Penyusunan tempat duduk bagi pelbagai majlis/acara;
7. Penyusunan tempat duduk bagi majlis/acara jamuan
8. Susunan bendera;
9. Atur cara majlis/acara di dalam dewan dan di luar dewan;
10. Pengacaraan majlis/acara formal;
11. Fungsi pegawai protokol dan pegawai pengiring (liaison officer);
12. Peranan penyambut tetamu dalam majlis/acara formal;
13. Pemilihan sajian;
14. Penggunaan Lagu Kebangsaan mengikut majlis/acara;
15. Penyusunan gambar Orang-orang Kenamaan di dinding (jika berkaitan);
16. Bahasa dan kesopanan Istana (jika berkaitan)
17. Kesempurnaan pakaian di dalam majlis/acara tertentu;
18. Pemakaian Anugerah Darjah Kebesaran (jika berkaitan);
19. Urusan menandatangani surat perjanjian (jika berkaitan); dan
20. Program dan atur cara pentadbiran.

b. 15 Elemen Etiket

1. Etika berpakaian;
2. Kesesuaian pakaian mengikut majlis/acara;
3. Penampilan dan penggayaan diri;
4. Kesopanan dalam pertemuan dan perkenalan;
5. Kemahiran dalam perbualan sosial;
6. Kesopanan menghadiri majlis/acara jamuan ringan secara berdiri;
7. Kesopanan menghadiri majlis/acara jamuan ringan secara duduk;
8. Kesopanan di dalam majlis/acara buffet;
9. Adab makan mengikut kesesuaian majlis/acara;
10. Kesopanan tuan rumah dan tetamu (untuk majlis/acara di dalam rumah);

11. Kesopanan tuan rumah dan tetamu (untuk majlis/acara di luar rumah);
12. Menghadiri pelbagai majlis/acara formal
13. Penggunaan peralatan jamuan mengikut majlis/acara (contoh: cutlery);
14. Cara menghidang; dan
15. Tertib di meja makan.

## 6. PERANAN DAN TUGAS URUS SETIA/JAWATANKUASA

Urus setia memainkan peranan yang penting dalam pengurusan sesebuah majlis/acara. Urus setia juga menjadi tulang belakang dan penggerak kepada sesuatu pengurusan majlis/acara. Antara peranan utama urus setia ialah:

- a. Penyediaan kertas kerja untuk sesuatu cadangan pelaksanaan majlis/acara;
- b. Pengumpulan maklumat dan penyelarasan laporan bagi menyediakan kertas konsep;
- c. Menjadi urus setia mesyuarat/perbincangan dan mendapatkan maklum balas/laporan mesyuarat;
- d. Menyelaraskan pelaksanaan sesuatu majlis/acara;
- e. Memberi khidmat nasihat kepada Jawatankuasa; dan
- f. Melaksanakan semua arahan dan keputusan Jawatankuasa

## 7. PERSEDIAAN AWAL UNTUK MENGANJURKAN SESUATU ACARA

Dalam penganjuran sesuatu acara terdapat 3 proses utama yang terlibat iaitu:-

- a. Sebelum
- b. Semasa
- c. Selepas

### A. PROSES SEBELUM

#### i. **BRAINSTORMING**

Sebelum penyediaan kertas kerja atau kertas konsep, penganjur perlulah menjawab setiap persoalan bagi memudahkan proses penganjuran acara dijalankan. Antara persoalan-persoalan yang perlu dijawab ialah: -

- Mengapa acara ini perlu dianjurkan?
- Siapakah yang akan terlibat di dalam proses penganjuran dan semasa penganjuran dijalankan?
- Apa yang akan berlaku semasa acara dijalankan dan apakah maklumat atau penyelidikan yang perlu dijalankan untuk membuat sesuatu keputusan?
- Bagaimana acara itu akan dijalankan?
- Dimanakah acara itu akan dilaksanakan?
- Bila acara itu akan dilaksanakan?

Pada peringkat ini penganjur perlu berbincang bersama dengan ahli kumpulan untuk mendapatkan keputusan bersama. Adalah digalakkan juga pada peringkat ini ahli kumpulan tersebut mampu untuk membayangkan bagaimana acara itu dijalankan kelak.

#### ii. **MEWUJUDKAN JAWATANKUASA KERJA**

Perbezaan sesuatu struktur jawatankuasa dan aliran pengurusan majlis/acara adalah bergantung kepada skala majlis/acara yang akan diadakan. Semakin besar skala sesuatu majlis/acara itu, maka semakin besar dan kompleks jawatankuasa serta aliran pengurusan majlis/acara tersebut.

## CONTOH SENARAI JAWATANKUASA

Penaung	:	Mejar Norizam Bin Sekak Pengarah Politeknik Merlimau
Penasihat 1	:	Sr. Mohamad Kelana Bin Juwit Timbalan Pengarah (Akademik)
Penasihat 2	:	En. Zaharizuan Bin Azhar Ketua Jabatan, Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti
Penasihat 3	:	En. Ismail Bin Mohamad Ketua Program, Diploma Pengurusan Acara
Penyelaras Program	:	Pn. Rohaila Binti Abdul Razak Pn. Masitah Binti Zulkapli
Pengarah Program	:	Muhammad Danial bin Amrin
Timbalan Pengarah	:	Qistina Nurquran Aini binti Zamri
Setiausaha	:	Nur Kamilia Ilyana binti Nazaruddin
Bendahari	:	Siti Maisha Hanum binti Mohammad Isnin
AJK Program	:	Aismat Muhammad bin Metaha@Mataha
AJK Makanan dan Minuman	:	Eszanudin bin Abdullah
AJK Persiapan Tempat	:	Nur Alya Hidayah binti Marzuki
AJK Logistik	:	Hadi Izzat bin Helmi

Senarai jawatankuasa adalah tertakluk kepada keperluan penganjuran acara tersebut. Sekiranya semakin besar acara itu hendak dijalankan, penganjur boleh mewujudkan lebih banyak jawatankuasa bagi menampung keperluan acara berkenaan.

## CONTOH PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATAKUASA

### a. Pengarah program

- Memainkan peranan utama.
- Menjadi tenaga penggerak, teras, dan sumber ilham serta sentiasa memberi nafas baru terhadap kemajuan perjalanan dan perkembangan jawatankuasa.
- Mestilah bersedia berbakti, mengambil tindakan serta bertanggungjawab menyelesaikan masalah yang berbangkit dengan adil dan berkesan.
- Bertanggungjawab menjayakan aktiviti, menentukan semua jentera pentadbiran tidak menyeleweng dari dasar asal.
- Dapat menyatukan semua AJK dan ahli-ahlinya dalam semua aspek.
- Menguruskan pembahagian tugas AJK serta menyelaraskan semua tugas.
- Membuat penilaian, perancangan, dan mengubal dasar dari semasa ke semasa agar pengurusan berjalan dengan teratur dan sempurna.
- Mempengerusikan semua bentuk mesyuarat dan menjamin kesempurnaan perjalanan mesyuarat tersebut serta menandatangani semua minit mesyuarat, surat-menyurat, laporan, penyata.
- Dalam keadaan tertentu yang memerlukan tindakan dengan segera. Pengarah Program boleh membuat keputusan serta tindakan selepas berbincang dengan setiausaha tanpa

mendapatkan keizinan jawatankuasa bersidang. Walaubagaimanapun perkara tersebut perlu disahkan dalam mesyuarat yang akan datang.

- Berbincang dan melaporkan kepada Penasihat/Pensyarah/Pegawai atasan perkembangan pelaksanaan projek.
- Melaksanakan arahan daripada Penasihat/Pensyarah/Pegawai atasan dari masa ke semasa.

b. Timbalan Pengarah Program

- Membantu segala tugas Pengarah Program.
- Memangku tugas Pengarah Program semasa ketiadaan Pengarah Program
- Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Penasihat/Pensyarah/Pegawai atasan/Pengarah Program dari masa ke semasa.

c. Setiausaha

- Menyedia dan mengedarkan surat /memo panggilan mesyuarat
- Mencatat dan menyediakan minit mesyuarat serta mengedarkannya seminggu selepas tarikh mesyuarat.
- Mengumpul bahan yang diperlukan secara ad-hoc untuk tindakan selanjutnya
- Bertanggungjawab menguruskan surat-menyurat, menyimpan dan mengendalikan sistem fail, buku, kertas, buku stok alat-alat yang kemas kini, kecuali buku kira-kira dan buku kewangan.
- Perlu menyediakan dan mengedarkan poster, surat pekeliling, dan yang sebagainya tentang aktiviti acara.
- Mengekalkan hubungan rapat dengan ahli-ahli dan pegawai-pegawai.
- Menguruskan tempahan seperti tempahan dewan, bilik dan sebagainya untuk mesyuarat atau perbincangan.
- Menyediakan borang-borang seperti borang pendaftaran, penilaian, laporan tahunan dll.
- Mesti hadir dalam semua mesyuarat untuk membuat catatan.
- Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Penasihat/Pensyarah/Pegawai atasan/Pengarah Program serta Jawatankuasa Tertinggi dari masa ke semasa.

d. Timbalan Setiausaha

- Bertugas membantu setiausaha dan memengku jawatan setiausaha semasa ketiadaan setiausaha.
- Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Penasihat/Pensyarah/Pegawai atasan/Pengarah Program serta Jawatankuasa Tertinggi dari masa ke semasa.

e. Bendahari

- Bertanggungjawab terhadap semua hal kewangan.
- Mengumpul cadangan perbelanjaan dari semua JK sebagai pemantauan kewangan.
- Menyediakan borang permohonan pengeluaran wang.
- Memastikan borang permohonan pengeluaran wang disertakan dengan sebutharga bagi pembelian yang melibatkan jumlah pengeluaran yang besar (rujuk kepada Penasihat/Pensyarah/Pegawai atasan bagi penentuan jumlah yang terlibat)
- Memastikan borang pengeluaran wang telah lengkap diisi dan perlu disemak serta ditandatangani sebelum diserahkan kepada Penasihat/Pensyarah/Pegawai atasan untuk kelulusan pengeluaran.
- Mengurus, menyimpan dokumen semua aktiviti kewangan dan bertanggungjawab terhadap kesahihan urusannya.
- Memastikan setiap tuntutan kewangan mempunyai resit bayaran sebagai bukti.



- Memastikan wang hanya boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan aktiviti yang telah dibenarkan sahaja.
- Mengagihkan peruntukan kewangan kepada jawatankuasa seperti kelulusan yang diberikan.
- Memastikan perbelanjaan bagi sesuatu perkara tidak melebihi anggaran yang telah diluluskan.
- Menyediakan penyata kewangan penerimaan dan perbelanjaan. Penyata kewangan perlu disemak oleh Pengarah Program dan Perlu disahkan oleh Penasihat/Pensyarah/Pegawai atasan.
- Menyimpan buku penyata, buku akauan bank, resit, yuran, rekod buku wang keluar-masuk, dan semua dokumen berkaitan dengan kewangan.
- Menguruskan pembayaran kepada pembekal, crew, sukarelawan dll.
- Menyediakan dan membentangkan laporan kewangan kepada Jawatankuasa mengikut keperluan dan arahan daripada Penasihat/Pensyarah/Pegawai atasan.
- Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Penasihat/Pensyarah/Pegawai atasan/Pengarah Program serta Jawatankuasa Tertinggi dari masa ke semasa

f. Pengurus Majlis (FM)

- Menyediakan jadual pelaksanaan /gantt chart/tentative acara.
- Memastikan perancangan mengikut jadual yang dilaksanakan
- Mengawal perjalanan majlis termasuk raptai pengurusan.
- Menyelesaikan segala permasalahan yang berlaku semasa majlis sedang berlangsung
- Membuat keputusan dengan cepat dan tepat sekiranya terdapat perubahan dan kesilapan semasa majlis sedang dijalankan.
- Membuat raptai penuh majlis.
- Memberi taklimat kepada crew, sukarelawan sebelum majlis bermula
- Menyediakan skrip pentadbiran dan perlu diedarkan kepada JK yang terlibat.
- Memastikan semua JK terlibat berada di tempat masing sebelum majlis bermula.
- Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Penasihat/Pensyarah/Pegawai atasan/Pengarah Program serta Jawatankuasa Tertinggi dari masa ke semasa.

g. Jawatankuasa Persiapan Tempat.

- Mengadakan mesyuarat bersama AJK
- Menyediakan anggaran perbelanjaan (jika perlu)
- Membuat pelan rekabentuk untuk susun aturs kerusi VVIP (Rujuk JK Protokol), VIP dan tetamu dalam dewan
- Memastikan jumlah kerusi mencukupi untuk semua jemputan
- Memastikan dewan dalam keadaan baik sepanjang majlis berlangsung
- Memastikan tandas dalam keadaan baik serta bersih dan boleh digunakan.
- Memastikan kebersihan dewan sentiasa dijaga
- Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Penasihat/Pensyarah/Pegawai atasan/Pengarah Program serta Jawatankuasa Tertinggi dari masa ke semasa.

Sekali lagi diingatkan bahawa penganjur boleh menambah jumlah jawatankuasa mengikut keperluan penganjuran sesuatu acara. Tugas bagi setiap jawatankuasa perlulah bersesuaian dengan jawatankuasa yang ditubuhkan atau dilantik. Pastikan juga tiada pertindihan senarai kerja bagi Jawatankuasa dengan jawatankuasa yang lain.

Adalah lebih baik semasa untuk menyiapkan peranan dan tanggungjawab ini dibuat secara perbincangan bersama dengan jawatankuasa lain agar dapat menghasilkan dapatan yang baik dan mengelakkan daripada pertindihan tugas dan peranan.

### iii. PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN / KERJA.

Kertas kerja merupakan sebuah dokumen yang memberi keterangan berkenaan program yang hendak dijalankan. Kertas kerja sepatutnya menggambarkan cadangan yang diusulkan jelas dan menepati objektif dan matlamat. Kompenen utama haruslah merangkumi aspek-aspek rancangan-rancangan yang telah dibuat. Bentuk penulisan perlu padat dan spesifik bersesuaian dengan situasi semasa dan prospek dalam radar yang telah ditentukan sasaran. Apa yang penting ialah pembaca yang menerima kertas kerja faham serta mendapat gambaran yang jelas dan yakin akan maklumat yang disampaikan.

Tiada format khusus bagi penyediaan kertas cadangan ini dan ia bergantung kepada format yang telah ditetapkan oleh sesebuah organisasi atau persatuan. Walaubagaimanapun kandungan dalam kertas cadangan ini perlu memberi pemahaman yang jelas kepada pembacanya tentang bagaimana sesuatu majlis itu hendak dijalankan.

Berikut adalah kandungan yang perlu ada di dalam kertas cadangan

- a. Muka surat hadapan – Tajuk, tarikh, tempat dan anjuran
- b. Pengenalan
- c. Objektif
- d. Impak
- e. Butiran Program
  - Tarikh pelaksanaan
  - Masa
  - Tempat
  - Anjuran
  - VVIP
  - Lain-lain perkara jika perlu
- f. Aturcara Majlis / Tentatif program

Aturcara majlis ialah urutan cara dalam sesuatu majlis dari mula hingga akhir. Majlis rasmi kerajaan yang diadakan pada sebelah malam hendaklah dimulakan selepas 8.00 malam dan ditamatkan selewat-lewatnya jam 11.30 malam. Majlis yang diadakan pada sebelah siang jika hari Jumaat hendaklah ditamatkan sebelum 12.15 tengahari dan jika dimulakan pada sebelah petang hendaklah tidak lebih awal daripada 2.45 petang.

Cara membuat aturcara majlis ialah dengan menyenaraikan dahulu acaranya mengikut urutannya. Lepas itu letakkan masa akhirnya dan kemudian dari waktu akhir rnebawa ke waktu permulaan. Sebelum itu hendaklah ditentukan jangka masa bagi setiap acara.

Antara perkara yang biasanya dimasukkan ke dalam pengisian majlis adalah seperti berikut:-

- Bacaan doa
  - Ucapan,
  - Pelancaran
  - Persembahan multimedia
  - Persembahan
  - Penyampaian hadiah
  - Lawatan pameran
  - Jamuan
  - **Contoh tentatif program seperti lampiran 1**
- g. Senarai Jawatankuasa
  - h. Anggaran perbelanjaan (rujuk pada format yang dikeluarkan oleh organisasi atau persatuan)
  - i. Penutup
  - j. Tandatangani (rujuk pada format yang dikeluarkan oleh organisasi atau persatuan)
    - Disediakan oleh

- Disemak oleh
  - Disahkan oleh
  - Disokong oleh
  - Diluluskan oleh
- k. Lampiran (jika ada)

### Contoh kertas kerja seperti lampiran 2

#### iv. PENYEDIAAN CARTA PERBATUAN

Carta Gantt juga dikenali sebagai “Time Line Chart”. Ia merupakan sejenis bar yang menggambarkan jadual projek iaitu tarikh mula dan akhir sesuatu projek. Carta gantt memaparkan paparan bergrafik bagi aktiviti-aktiviti kerja yang ditunjukkan oleh carta bar berskala masa. Perlu menekankan tempoh masa pelaksanaan sesuatu aktiviti & tunjukkan pertindihan aktiviti. Ia amat sesuai untuk mewakili projek mudah atau sub-projek bagi projek yang lebih besar.

Ciri-ciri carta gantt adalah:

- a. Perwakilan grafik (jenis carta bar) yang menggambarkan jadual projek untuk tempoh sesuatu tugas dan perkembangan masa.
- b. Ia mengandungi beberapa bar melintang yang menunjukkan masa yang diperlukan dan jangkamasa tamat sesuatu aktiviti.
- c. Bar ini mewakili masa dalam unit seperti bulan, minggu, hari, jam atau minit
- d. Setiap bar mewakili satu aktiviti dalam pembangunan system.
- e. Carta gantt dengan jelas dapat menggambarkan status satu projek, samada ia mengikut masa yang diberikan atau tidak.

### Contoh seperti lampiran 3.

#### v. PEMILIHAN TEMPAT MAJLIS

Penentuan tempat majlis adalah perlu dibuat awal kerana tempat majlis ada kaitannya dengan bilangan tetamu dan anggaran perbelanjaan. Perkara-perkara penting yang mesti diambilkira adalah seperti berikut:

- a. Diketahui umum dan mudah dituju
- b. Mempunyai tempat letak kereta yang mencukupi
- c. Mempunyai ruang legar yang luas
- d. Mempunyai kemudahan asas yang mencukupi
- e. Sesuai dengan jenis majlis yang hendak diadakan

Ada majlis yang diadakan di dalam dewan dan ada majlis yang diadakan di luar dewan yang lebih terbuka. Penggunaan protokol adalah tertakluk kepada jenis majlis dan juga tempat majlis itu diadakan. Biasanya majlis yang diadakan di tempat yang terbuka dan juga di tempat ibadat penggunaan protokol adalah terhad dan adakalanya terpaksa diubahsuai. Piha penganjur adalah digalakkan untuk membuat lawatan tapak sebelum membuat keputusan pemilihan tempat majlis.

#### vi. PELAN LANTAI

Pelan lantai perlu disediakan selepas lawatan tapak dilakukan. Tujuan penyediaan pelan lantai adalah: -

- a. Panduan untuk memastikan majlis berjalan dengan mengikut perancangan.
- b. Panduan untuk semua pegawai melaksanakan tugas
- c. Panduan untuk pegawai atasan mengetahui sebenar perjalanan majlis
- d. Sebagai rujukan dan medium penambahbaikan pada masa hadapan.

## **vii. PENYEDIAAN SENARAI JEMPUTAN**

Bagi setiap majlis, hendaklah disediakan dalam 5 bentuk iaitu:

### **a. Ringkasan Senarai**

Ia merupakan senarai kategori dan bilangan tetamu. Tujuannya adalah supaya dapat diketahui kategori tetamu, bilangannya, kombinasi dan peringkat tetamu.

### **b. Senarai Nama**

Senarai Nama adalah senarai yang akan menyenaraikan nama-nama tetamu mengikut kategori. Jika dalam kategori menteri ada senarai 4 orang menteri maka nama 4 orang menteri yang akan dijemput hendaklah ditulis. Senarai nama ini bukanlah setakat nama sahaja tetapi hendaklah mengandungi butir lain yang lengkap seperti:

- Nama penuh dengan gelaran dan Darjah Kebesaran yang disandang (jika ada)
- Nama isteri (jika diketahui)
- Jawatan atau pangkat
- Alamat Pejabat (lengkap dengan poskod)
- Nombor Telefon Pejabat
- Alamat Rumah (lengkap dengan poskod)
- Nombor Telefon Rumah
- Nama Setiausaha Sulit dan Nombor Telefon (jika ada)

### **c. Senarai Mengikut Keutamaan**

Senarai tetamu dari senarai kedua tadi disusun mengikut susunan keutamaan. Senarai hendaklah mengikut panduan dan Susunan Keutamaan Persekutuan atau negeri, atau agensi mana yang berkenaan. Dalam menyediakan senarai ini tidak perlu ditulis secara terperinci dan memadai namanya sahaja serta ringkasan jawatan.

### **d. Senarai Jawapan Kehadiran**

Senarai ini adalah sama dengan senarai ketiga tetapi ditambah dengan dua ruangan di sebelah kanan untuk ditandakan hadir dan tidak hadir. Ruang ini hendaklah serta-merta ditandakan, sebaik sahaja menerima jawapan hadir atau tidak hadir.

### **e. Senarai Hadir**

Senarai yang terakhir dan mengandungi senarai tetamu yang menjawab hadir sahaja. Senarai ini adalah diambil dari senarai keempat dengan mengeluarkan nama-nama tetamu yang telah menjawab tidak hadir. Nombor kerusi tetamu biasanya tercatat dalam senarai ini dan. Penyambut tetamu perlu ada senarai ini.

## **viii. PENULISAN DAN PENGEDARAN KAD JEMPUTAN**

### **a. Kad Jemputan**

Kad Jemputan hendaklah mengandungi butir-butir berikut:

- Nama majlis
- Penganjur atau yang menjemput
- Logo agensi
- Tempat majlis
- Ruang nama jemputan

- Tarikh majlis diadakan
- Masa majlis bermula dan masa majlis berakhir
- Masa ketibaan tetamu
- Panduan pakaian
- Nama dan nombor telefon rujukan
- Aturcara majlis (mengikut keperluan) dan plan tempat majlis (mengikut keperluan)
- Kad jawapan (mengikut keperluan)
- Plan Lokasi (mengikut keperluan)

#### Contoh Kad Jemputan seperti lampiran 4

Nama tetamu di kad jemputan hendaklah ditulis dengan tangan manakala sampulnya ditaip dan diedarkan 4 minggu sebelum majlis diadakan dan tarikh jawapan diterima ialah seminggu sebelum majlis diadakan. Jika masa lewat iaitu kurang dari dua minggu kad-kad jemputan hendaklah dihantar dengan tangan.

#### b. Kaedah Jemputan

Jemputan boleh dibuat melalui: -

- SPB Yang di-Pertuan Agong/DYMM Raja/Permaisuri/TYT Yang di-Pertuan Negeri – **Warkah persilaan dan di bawa mengadap**
- TYT Yang di-Pertuan Negeri/YAB Perdana Menteri/YAB Timbalan Perdana Menteri/YB Menteri – **Surat Jemputan**
- YAB Menteri Besar/Ketua Menteri – **Surat/Kad Jemputan**
- Jemputan lain – **Kad jemputan, Faks, e-mail, telefon, SMS**

#### c. PENGESAHAN KEHADIRAN

Pengesahan jemputan boleh dibuat melalui:

- Kesesuaian kaedah jemputan:
- Surat;
- Kad Jawapan;
- Faks;
- E-mel;
- Telefon; dan
- Sistem Pesanan Ringkas

#### ix. SUSUNAN TEMPAT DUDUK

Susunan tempat sesuatu majlis/acara hendaklah berdasarkan kepada Susunan Keutamaan Persekutuan dan Negeri serta peranan/kepentingan tetamu/penganjur sesebuah majlis/acara. Walau bagaimanapun, bagi Program Turun Padang, tempat duduk tetamu kehormat diletakkan bersama dengan rakyat dan orang ramai.

#### a. Penentuan Susunan Tempat Duduk

1. Bentuk-bentuk susunan tempat duduk.
2. Susunan Keutamaan
  - Susunan tempat duduk di pentas dan dif-dif hendaklah mengikut kekananan.
  - Jumlah ganjil atau genap
  - Hadkan 3, 5, 7 atau 4, 6, 8
  - Perhatian berpusat ke Tetamu Kehormat

- Dif yang paling hampir dengan Tetamu Khas ialah dif yang paling utama sekali.
- Keutamaan bermula dari kanan tetamu kehormat.

b. 4 Prinsip Susunan

Prinsip 1

Susunan hendaklah mengikut keutamaan

- Susunan tempat duduk sama ada di pentas khas atau di tempat para jemputan ianya hendaklah mengikut Susunan Keutamaan.
- Jika jemputan tanpa isteri, keutamaan di pentas khas bermula dari kanan Tetamu Khas diikuti dengan kiri, balik ke kanan, ke kiri dan seterusnya berselang seli.
- Bagi jemputan bersama isteri, keutamaan bermula dari kanan Tetamu Khas membawa ke tepi (suami/lelaki) dari kiri isteri Tetamu Khas membawa ke tepi (isteri/perempuan)

Prinsip 2

Jumlah dif di pentas khas hendaklah terhad

- Jemputan seorang – jumlahnya angka ganjil 5, 7 dan 9.
- Jemputan dengan isteri – jumlahnya angka genap 6, 8, 10 dan 12

Prinsip ini diwujudkan bertujuan untuk memberi penghormatan dan tumpuan kepada mereka yang berkenaan/berkaitan sahaja

Prinsip 3

Tuan rumah atau 'host' duduk di sebelah kanan tetamu kehormat


Tuan Rumah biasanya dikenali sebagai orang yang menjemput atau bertanggungjawab menganjurkan sesuatu majlis atau upacara.

Prinsip 4


Isteri duduk di sebelah kiri suami

- Prinsip ini adalah amalan biasa dalam apa jua majlis apabila para jemputan dijemput bersama isteri.
- Kedudukan isteri sama ada majlis siang atau malam ialah isteri duduk di sebelah kiri suami kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu.


Kekananan Bagi Empat Orang




Kekananan Bagi Empat Orang Dengan Isteri



Kekananan Bagi Lima Orang



## Kekananan Bagi Enam Orang Dengan Isteri



### c. Bentuk Susunan Meja Majlis Jamuan

Terbahagi kepada 4:

1. Susunan Meja Panjang
2. Susunan Meja Bulat

#### 3 Prinsip Susunan

##### Prinsip 1

Tetamu Kehormat hendaklah duduk di sebelah kanan Tuan Rumah sekiranya setaraf **kecuali** Tetamu Kehormat itu jauh lebih tinggi atau jauh lebih rendah dari Tuan Rumah






Prinsip 2

Susunan dif-dif meja utama / khas hendaklah mengikut susunan keutamaan



Prinsip 3

Wanita tidak duduk di hujung meja khas / diRaja.



Prinsip Am Meja Jamuan

- Tuan Rumah di sebelah kiri Tetamu Kehormat yang lebih tinggi dan sebaliknya sekiranya setaraf
- Wanita tidak duduk di hujung meja diRaja/khas

- Wanita tidak duduk mengetuai meja-meja Panjang
- Meja bulat hendaklah penuh kecuali dihadiri oleh SPBYDA/Raja-raja, dua kerusi dihadapannya hendaklah dikosongkan dan meja berhampiran diubahsuai untuk elak tetamu lain membelakangi tetamu utama

**x. BUKU PROGRAM**

a. Kandungan Buku Program

- Kata-kata aluan daripada Pengurusan Majlis. Dihadkan kepada 2 (maksimum) (sekiranya perlu)
- Latar belakang (majlis / individu yang diraikan) (sekiranya perlu)
- Atur cara Majlis
- Penghargaan kepada pihak luar yang terlibat (sekiranya perlu)

b. Cara pengagihan buku program: -

- Agihan semasa ketibaan tetamu
- Diisi bersekali di dalam beg cenderamata
- Disusun di atas kerusi
- Diberi berasingan untuk tetamu terhormat

**xi. BUNTING AND BANNER**

Susunatur maklumat dan gambar perlu kemas, penggunaan warna yang sesuai, pemilihan jenis dan saiz font yang sesuai. Pemilihan gambar perlu bersesuaian dengan acara yang dijalankan.

Kandungan:-

- Tajuk event
- Tarikh dan masa
- Tempat
- Nama penganjur
- Logo penganjur
- No untuk dihubungi samada no telefon, fax, email atau, media sosial.
- Gambar yang bersesuaian.
- Nama atau logo penaja ( jika berkaitan/perlu )
- Tagline ( jika berkaitan/perlu )
- Lain-lain maklumat jika perlu.

**Contoh bunting & banner seperti lampiran 5**

**xii. BACKDROP**

- Dibuat untuk pentas utama
- Ditulis di dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris (sekiranya terdapat penyertaan peserta dari luar negara)
- Darjah kebesaran tidak perlu ditulis di *backdrop*
- Sekiranya ingin meletakkan gambar, dapatkan gambar daripada pejabat tetamu kehormat.
- Pastikan ada ruang bawah yang mencukupi dan semak ejaan
- Perkataan “disempurnakan” perlu digunakan untuk perasmi.

**Contoh backdrop seperti lampiran 6**

### xiii. DEKORASI

Kawasan yang dikategorikan sebagai *Focal Point* perlu diberi perhatian dengan menyediakan hiasan yang bersesuaian dengan acara dijalankan. Tujuan utama adalah untuk menarik perhatian kepada peserta untuk berada di dalam dewan berkenaan sehingga majlis tamat. Ia juga untuk mengurangkan kebosanan peserta atau pengunjung ke majlis tersebut.

Antara tempat-tempat utama yang perlu di dihias ialah:-

- Pentas utama
- Meja pendaftaran
- *Photo booth*
- Pintu masuk utama
- Persekitaran di dalam dewan

### xiv. SISTEM TEKNIKAL /SIARAYA

Keperluan untuk melancarkan sebuah majlis / acara yang meliputi :-

- a. Sistem audio
- b. Paparan digital
- c. Layar pentas
- d. Pencahayaan
- e. *Multi Camera Production (MCP)* (jika perlu)
- f. Set janakuasa (*jika perlu*)
- g. Petugas teknikal (siap siaga seperti *technician* dll)

### xv. ATURCARA PENTADBIRAN

- a. Tujuan penyediaan
  - Panduan Pegawai
  - Panduan Pekerja
  - Majlis berjalan dengan licin
  - Mengikut amalan protokol
  - Pengawalan masa
  - Panduan akan datang
  - Rekod
- b. Aturcara pentadbiran yang baik mengandungi butir-butir berikut;
  - Masa
  - Tempat
  - Keterangan yang merupakan urutan acara secara terperinci (aktiviti)
  - Pegawai yang bertanggungjawab (tindakan)

Selain daripada aturcara pentadbiran, '*Check List*' hendaklah juga disediakan bagi membantu melicinkan pengendalian majlis berkenaan.

**Contoh aturcara pentadbiran seperti lampiran 7**

### xvi. RAPTAI

Raptai amatlah penting bagi sesuatu majlis walaupun majlis tersebut merupakan majlis ulangan (selalu diadakan) dan hendaklah diadakan beberapa kali mengikut keperluan. Tujuan raptai ialah:

- Supaya mereka yang terlibat tahu akan tugas dan tanggungjawabnya.

- Untuk menentukan urutan majlis.
- Untuk menentukan jangka masa yang tepat.
- Untuk kelemahan yang ada.
- Untuk penyelarasan acara.
- Untuk membiasakan petugas-petugas dengan keadaan tempat.

Perkara-perkara mustahak yang perlu diberi perhatian khusus:-

- Aspek teknikal (sistem audio, mekanisme perasmian, kedudukan logistiki dll.
- Kesesuaian (pengisian, pergerakan VVIP dan lain-lain)
- Alternatif (perancangan lain sekiranya sesuatu gagal)
- Kehadiran jemputan
- Pelan alternatif sekiranya berlaku gangguan cuaca seperti hujan lebat dan rebut petir.
- Penarapan nilai-nilai islam seperti menghormati hari jumaat, waktu solat dan ucapan salam.
- Majlis yang dilakukan pada sebelah malam tidak berlarutan ke tengah malam.

#### xvii. **PEMILIHAN SAJIAN**

- Pemilihan menu perlu mengikut kesesuaian majlis dan dipersetujui oleh pihak atasan. Bagi majlis yang melibatkan pembesar utama negeri/negeri, pilihan menu hendaklah mendapat persetujuannya.
- Lazimnya uji rasa (*food tasting*) dibuat berdasarkan menu yang dipilih untuk memastikan tahap kualiti makanan memenuhi kehendak penganjur.
- Cara hidangan terbahagi kepada empat iaitu:-
  - a. Hidangan *Fully serve* (kebiasaannya unyuk VVIP)
  - b. Hidangan (*dome*)
  - c. Layan diri (*buffet*)
  - d. Bungkus (*food pack*)
- Urusetia juga perlu mengenalpasti keperluan berikut:-
  - a. Vegetarian
  - b. Alahan
  - c. Permintaan istimewa daripada VVIP contoh air minuman khas untuk VVIP mengikut jenama yang diminta.
- Susunan peralatan makanan dan meja juga perlu dipastikan mengikut etiket.

#### xviii. **KESELAMATAN**

- Faktor keselamatan adalah perkara yang paling penting dalam pengurusan sesuatu majlis. Keselamatan yang dimaksudkan meliputi keselamatan tetamu, keselamatan persekitaran dan keselamatan peralatan yang dianjurkan. Tiga jenis keselamatan yang perlu diambil perhatian ialah :-
  - a. Manusia ( VVIP, Pelawat, Petugas dll )
  - b. Persekitaran ( Contohnya : lokasi, lalu lintas, siding media, pentas, dll )
  - c. Peralatan/barang-barang.
- Langkah-langkah keselamatan berikut hendaklah dilaksanakan:-
  - a. Pemeriksaan keselamatan dipentas utama dan persekitaran lokasi majlis/acara
  - b. Kawalan keselamatan dan lalu lintas
  - c. Menyediakan pas keselamatan
  - d. Menempatkan pasukan keselamatan
  - e. Taklimat keselamatan perlulah diberikan sebelum majlis bermula.

- Kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa perlu dibuat sekiranya majlis tersebut melibatkan pemimpin negara seperti dengan pihak PDRM, Bomba, rela dan sebagainya.

**xix. PERUBATAN**

- Pasukan perubatan adalah tertakluk kepada taraf tetamu serta majlis.
- Pasukan perubatan bagi tetamu kehormat adalah daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Bagi orang awam adalah agensi sokongan seperti Jabatan Pertahanan Awam, Persatuan Bulan Sabit Merah, St John dan sebagainya.

**B. SEMASA ACARA BERLANGSUNG**

**i. PERANAN PENYAMBUK TETAMU**

Berikut ialah panduan bagi penyambut tetamu dalam majlis: -

- Maklumat**  
Penyambut hendaklah mengetahui maklumat keraian yang sedang diadakan sekurang-kurangnya tujuan keraian tersebut diadakan.
- Aturcara Keraian Yang Berkenaan**  
Penyambut mestilah mengetahui aturcara keraian yang berkenaan terutamanya waktu yang ditetapkan bagi tetamu sampai dan balik.
- Susunan Tempat Duduk**  
Penyambut hendaklah tahu susunan tempat duduk keseluruhannya supaya senang untuk memandu atau menunjukkan tempat duduk tetamu yang berkenaan.
- Kawasan Yang Diuntukkan**  
Penyambut hendaklah mahir dengan tempat dan kawasan yang diuntukkan baginya menyambut.
- Tempat- Tempat Penting**  
Penyambut hendaklah mengetahui tempat-tempat yang penting seperti tandas, pintu masuk, tempat keluar dan lain-lain.
- Senarai Tetamu Yang Dijemput**  
Penyambut mestilah mempunyai ringkasan keseluruhan senarai tetamu yang akan hadir dan sebaik-baiknya mengenali tetamu tersebut.
- Senarai Tetamu Khas**  
Selain daripada senarai kesemua tetamu yang dijemput, senarai tetamu khas yang akan disambut hendaklah juga diketahui dengan lancar.
- Pakaian Penyambut**  
Penyambut hendaklah memakai pakaian yang sempurna dan sesuai mengikut keraian yang sedang dijalankan. Pakaian terdedah bagi perempuan adalah tidak sesuai.
- Cara Menyambut**  
Tetamu hendaklah disambut dengan hormat dan berikan buku aturcara jika ada. Tunjukkan tempat duduk secara hormat.
- Mengenali Tetamu**  
Seboleh-bolehnya penyambut hendaklah kenal dengan tetamu yang disambut. Jika tidak kenal hendaklah bertanya dengan cara hormat.

- k. **Ketibaan Penyambut**  
Penyambut hendaklah tiba satu jam lebih awal daripada masa tetamu dijangka tiba. Penyambut hendaklah melaporkan diri kepada Pegawai Bertugas dan mengambil senarai tetamu. Ia hendaklah memeriksa semua tempat duduk dan bandingkan dengan senarai tetamu yang dikhaskan untuknya.
- l. **Pertanyaan dan Teguran**  
Jika ada apa-apa pertanyaan dimajukan, jawablah dengan sopan. Jika ada teguran dari tetamu yang kurang senang didengar, hendaklah mendinginkan diri sahaja tetapi ambil ingatan. Jangan sekali-kali bertengkar dengan tetamu atau memberi maklumat yang penyambut sendiri kurang pasti.
- m. **Kesulitan**  
Jika menghadapi kesulitan atau masalah hendaklah segera merujuk kepada Pegawai bertugas. Dengan itu penyambut tetamu mestilah mengetahui Pegawai bertugas pada masa itu.
- n. **Mudah Senyum**  
Penyambut hendaklah mudah senyum.

## ii. **PUBLISITI DAN MEDIA.**

Publisiti dan media memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat sesuatu majlis. Selaian itu, ia dapat menjelaskan bagi tujuan dan objektif sesuatu majlis yang diadakan.

### a. **Publisiti**

Membuat hebahan sesuatu majlis melalui media masa dan media cetak. Kebiasaannya ia dilaksanakan lebih awal sebelum sesuatu majlis itu berlangsung. Maklumat yang hendak dihebahkan hendaklah tepat, lengkap, jelas dan sampai kepada kumpulan sasar.

### b. **Pengurusan Media.**

Peranan media sangat penting dalam menghebahkan sebarang majlis samada diperingkat kebangsaan atau antarabangsa. Antara perkara yang perlu diambil perhatian dalam menguruskan media ialah:-

- Memastikan hanya media yang berdaftar dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang dijemput.
- Menyediakan tempat pendaftaran wakil media
- Menyediakan meja khas/tempat duduk/tempat khas bagi memudahkan membuat liputan.
- Menyediakan tempat sidang media (Press Conference) yang sesuai tertakluk kepada tetamu kehormat/pengunjung.
- Menghubungi atau mendapatkan pandangan setiasaha akhbar/unit komunikasi/pegawai khas dan sebagainya mengenai keperluan mengadakan sidang akhbar.
- Menyediakan pegawai bertugas untuk menjaga menjelaskan memberi penerangan dan mengawal media.
- Menyediakan *press kit*.

## iii. **FOTOGRAFI**

Gambar yang diambil perlu mematuhi kriteria di bawah:-

- Jelas
- Sopan
- Menghormati tetamu kehormat
- Menceritakan keadaan sebenar (tidak mendatangkan kekeliruan)
- Mementingkan agenda utama

- Tidak mengambil gambar di belakang tabir atau persediaan tanpa kebenaran.

#### iv. **PENGACARA MAJLIS**

Pengacara Majlis secara umumnya bertanggungjawab mengendalikan sesuatu acara dari permulaan hingga selesai. Kelancaran perjalanan acara tersebut bergantung kepada kebolehan dan kemahiran seseorang pengacara majlis.

Antara tugas-tugasnya ialah:-

- Menyediakan teks pengacaraan dan perlu disemak oleh pihak penganjur.
- Mengendali dan mengawal perjalanan majlis
- Membuat pengumuman
- Memberikan panduan kepada tetamu
- Menyemak panggilan hormat dan berdasarkan kepada kehadiran tetamu kehormat.

#### v. **Pembaca doa**

- Pembaca doa bagi majlis di peringkat persekutuan yang dihadiri oleh YDPA hendaklah dibaca oleh Mufti wilayah persekutuan
- Pembaca doa bagi majlis acara diperingkat negeri yang dihadiri oleh sultan atau raja, hendaklah dibaca oleh mufti negeri atau timbalan atau amalan yang biasa diguna pakai oleh negeri tersebut.
- Pembacaan doa adalah dikecualikan sekiranya sesuatu majlis ada unsur-unsur hiburan yang melalaikan dan menyalahi syara.
- Bagi majlis lain-lain, pembaca doa boleh dilantik dari kalangan mereka yang layak.

#### vi. **UCAPAN**

Ia perlulah dihadkan kepada 3 orang sahaja ( mengikut kesuaian majlis) dengan dimulai dengan ucapan tuan rumah, dan diakhiri dengan ucapan tetamu kehormat. Ia tidak terpakai bagi majlis acara sesi dialog, bicara esekutif, forum atau majlis yang mempunyai konsep yang serupa.

Jenis ucapan terbahagi kepada dua iaitu:-

- Ucapan aluan
- Ucapan perasmian

Perkara yang perlu diberi perhatian dalam penyediaan ucapan

- Senarai panggilan hormat (salutation) perlulah disediakan oleh urus setia berdasarkan susunan protokol terkini.
- Mengambil kira masa yang diperuntukan.

#### vii. **TAKLIMAT KEPADA TETAMU KEHORMAT**

Taklimat hendaklah disampaikan oleh *Floor Manager* kepada tetamu kehormat supaya beliau mendapat gambaran yang jelas tentang perjalanan majlis.

### C. PASCA MAJLIS

Perkara-perkara yang perlu dilaksanakan selepas sesuatu majlis selesai:-

- i. Mengadakan mesyuarat bagi tujuan penilaian semula (*Post Mortem*)
- ii. Merekodkan semua perkara yang berkaitan untuk penambahbaikan dan rujukan pada masa hadapan
- iii. Mengadakan majlis penghargaan, memberi penghargaan atau mengucapkan terima kasih kepada semua menjalankan tugas (sekiranya perlu)
- iv. Semua pembayaran perlu diselesaikan dengan segera.
- v. Lebihan perbelanjaan hendaklah dikembalikan semula kepada pihak penganjur.
- vi. Memastikan kebersihan tempat penganjuran majlis dijaga.
- vii. Memulangkan segala barangan yang dipinjam dengan keadaan baik. Sekiranya terdapat kerosakkan atau kehilangan perlu dimaklumkan kepada pemilik.



## Tentatif Program

Masa	Aktiviti
8:00 Pagi	Pendaftaran peserta pameran
9:00 Pagi	Jualan makanan foodtruck
9:30 Pagi	Ketibaan VVIP
9:45 Pagi	Majlis perasmian
9:50 Pagi	Nyanyian lagu Negaraku dan Melaka Maju Jaya
10:00 Pagi	Bacaan doa
10:05 Pagi	Ucapan Daripada Pengarah Politeknik Merlimau
10:15 Pagi	Ucapan Perasmian Daripada VVIP (Exco Pelancongan Warisan & Kebudayaan Negeri Melaka)
10:25 Pagi	Gimik Perasmian
10:30 Pagi	Penyampaian Hadiah dan cenderahati
11:00 Pagi	Lawatan ke pameran & jamuan makan di Restoran Kristal
11:15 Pagi	Persembahan pelajar dan alumni PMM
11:50 Pagi	Persembahan muzik instrument
12:30 T/Hari	Cabutan bertuah pertama
12:45 T/Hari	Rehat
3:00 Petang	<i>Capoeira Show</i>
	Lepak Street – Gerai Jualan – Foodtruck
	Mini Funfair
3:20 Petang	– <i>Muay Thai Show</i>
	– <i>Silat Cekak Malaysia</i>
8:30 Malam	Mini Konsert – Persembahan Kebudayaan – Persembahan Artis – Cabutan Bertuah
11:00 Malam	Tamat



**KERTAS KERJA  
RUMAH TERBUKA RIUH RAYA  
“BERSAMA ENDEMIK KITA RAIKAN”**

**ANJURAN:  
JABATAN PELANCONGAN & HOSPITALITI  
POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA**

**TARIKH  
22-23 MEI 2022 (AHAD-ISNIN)**

**LOKASI:  
DEWAN PLATINUM,  
POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA**

## 1.0 PENGENALAN

Pelaksanaan Majlis Rumah Terbuka Riuh Raya adalah sebahagian daripada keperluan kursus yang akan dianjurkan oleh pelajar Diploma Pengurusan Acara (DEV) semester 3 di bawah kursus DTE30114 – *Event Design*, Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik Merlimau, Melaka.

Penganjuran program seperti ini perlu dilaksanakan bagi membantu para pelajar untuk mempraktikkan segala teori yang dipelajari dalam bentuk pelaksanaan acara yang sebenar. Perkara yang perlu dipraktikkan adalah berkaitan dengan penyediaan *props*, *backdrops*, dekorasi, pengurusan aktiviti dan persembahan, penyediaan makanan dan minuman.

Penganjuran program seperti ini juga diharapkan dapat membantu menjana idea yang lebih kreatif serta menguji kemampuan fizikal dan mental pelajar dalam persediaan mereka untuk menghadapi cabaran dalam industri pengurusan acara pada masa hadapan. Program ini akan dijalankan pada 22 -23 Mei 2020 dan bertempat di Dewan Platinum, Politeknik Merlimau, Melaka. Peserta bagi program ini adalah terdiri pensyarah Jabatan Pelancongan & Hospitaliti dan pasangan mereka serta beberapa orang tetamu jemputan daripada penasihat industri bagi program Diploma Pengurusan Acara.

Kertas kerja ini dirangka untuk memohon pertimbangan dan kelulusan daripada pihak Pengurusan Politeknik Merlimau untuk menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Riuh Raya bagi pelajar Diploma Pengurusan Acara yang mengambil kursus DTE30114 – Event design.

## 2.0 OBJEKTIF

Objektif yang ingin dicapai dari program ini ialah:

- 2.1 Meningkatkan kemahiran mengurus dan keusahawanan dalam bidang pengurusan acara.

- 2.2 Mengaplikasikan kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik ketika menguruskan acara.
- 2.3 Meningkatkan kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan dikalangan pelajar.

### **3.0 IMPAK**

- 3.1 Dapat memperkasa ilmu pengetahuan tentang tanggungjawab sebagai pekerja dalam organisasi dan lebih berkeyakinan untuk menghadapi cabaran semasa pelajar bekerja dan mengetahui cara mengatasinya.
- 3.2 Menghasilkan pelajar-pelajar yang lebih berkualiti dan mempunyai nilai tambah semasa mereka menghadapi cabaran berkerjaya.
- 3.3 Melahirkan graduan yang mampu memenuhi kriteria pihak industri dan meningkatkan lagi imej politeknik dalam menghasilkan graduan yang dapat memenuhi pasaran kerja setanding pelajar-pelajar di IPT lain.

### **4.0 BUTIRAN PROGRAM**

- 4.1 **Tarikh pelaksanaan**  
22 – 23 Mei 2022 (Ahad & Isnin)
- 4.2 **Masa**  
08.00 pagi – 12.00 malam
- 4.3 **Tempat**  
Dewan Platinum, Politeknik Merlimau, Melaka
- 4.4 **Anjuran**  
Pelajar Kursus DTE30114 – *Event Design*, Diploma Pengurusan Acara.  
Senarai nama seperti **lampiran 1**

#### 4.5 **Jumlah peserta**

Pensyarah JPH dan Pasangan : 80 orang  
Tetamu Jemputan : 20 orang  
100 orang

#### 4.6 **Tema**

Makan Malam – *Hari Raya Aidilfitri*

#### 4.7 **Sumber kewangan**

- 4.7.1 Kutipan wang pelajar (penganjur)
- 4.7.2 Sumbangan daripada pelbagai pihak ( perseorangan atau organisasi)

#### 4.8 **Penyelia Program**

Program ini akan diselua oleh 3 orang pensyarah yang terdiri daripada pensyarah kursus DTE30114-Event Design.

#### 4.9 **SOP penganjuran majlis**

- 4.9.1 Peserta yang hadir mestilah telah lengkap divaksin dengan 2 dos dan telah mencapai tempoh matang vaksinasi.
- 4.9.2 Bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia 12 tahun ke bawah dengan mematuhi protokol kesihatan umum.
- 4.9.3 Krew dan peserta **DIWAJIBKAN** menjalani pre event test menggunakan Kit Ujian Kendiri Covid-19 (Saliva Test)/PCR sekurang-kurangnya SATU (1) hari sebelum hadir majlis dan membawa bukti kit. Hanya peserta dengan keputusan **NEGATIF DIBENARKAN** hadir.
- 4.9.4 Status COVID-19 dalam aplikasi MySejahtera perlu dikemaskini sebelum memasuki dewan.
- 4.9.5 *Patient under Investigation (PUI) & Person under Surveillance (PUS)* tidak dibenarkan hadir.

- 4.9.6 Membuat imbasan QR code melalui aplikasi MySejahtera
- 4.9.7 Membuat pemeriksaan suhu badan. Suhu badan melebihi 37.5 Celcius atau bergejala seperti demam, selsema dan batuk tidak dibenarkan masuk ke dewan dan akan diisolasi di bilik yang ditetapkan Urusetia.
- 4.9.8 Menunjukkan Sijil Vaksinasi Digital pada aplikasi MySejahtera.
- 4.9.9 WAJIB memakai pelitup muka (face mask) dan sentiasa membersihkan tangan dengan menggunakan (hand sanitizer). Pelitup muka (face mask) perlu dibawa sendiri peserta.
- 4.9.10 Elakkan 3S (sesak, sempit dan sembang dekat) dan sentiasa amalkan 3W (wash, wear, warn).

## 5.0. TENTATIF

TARIKH	MASA	AKTIVITI	
22.05.2022 (AHAD)	08.00 pagi	Persiapan dewan dan dekorasi	
	02.00 petang	Persiapan bahan mentah anyaman ketupat dan kacau dodal	
	03.00 petang	Aktiviti kacau dodol	
	12.00 malam	Aktiviti tamat	
23.05.2022 (ISNIN)	7.30 malam	Pendaftaran Pelajar	
	7.45 malam	Pendaftaran Pensyarah	
	8.00 malam	Ketibaan VVIP	
	8.20 malam	Perarakan masuk VVIP	
	8.35 malam	Alunan takbir raya	
	8.45 malam	Ucapan aluan Pengarah Program	
	8.50 malam	Bacaan doa	
		Jamuan makan malam	
		Persembahan 1	
		9.30 malam	Cabutan bertuah 1
			Tayangan montaj raya
			<i>Raya Runway Best Dress</i>
			Cabutan bertuah 2
Persembahan 2			
Penyampaian hadiah <i>Best Dress</i>			
Cabutan bertuah 3			
10.30 malam	Persembahan penutup		
